

# Patin, tilapia jadi pilihan pengguna

24/2/2022 MS:3

## Pengusaha ikan sangkar terima tempahan tinggi, jualan meningkat dua kali ganda

Oleh Roselan Ab Malek  
bhnews@bh.com.my

**Jerantut:** Ketiadaan bekalan ayam segar di beberapa pasar sekitar daerah ini sejak minggu lalu menyebabkan pengguna memilih untuk beralih kepada ikan patin dan tilapia sebagai sumber protein alternatif.

Senario itu jelas membawa tuah kepada pengusaha ikan patin sangkar di sekitar daerah ini dan juga Temerloh, apabila jualan masing-masing dikatakan meningkat dua kali ganda disebabkan permintaan yang bertambah.

Seorang pengusaha ikan patin dan tilapia sangkar di Kampung Rumpun Makmur di Temerloh, Mohd Nizam Tapar, 45, berkata sepanjang minggu ini permin-

taan daripada peniaga restoran dan pemborong ikan patin meningkat.

Sebelum ini, katanya dia hanya membekalkan kira-kira 100 kilogram (kg) ikan patin dan tilapia seminggu, namun sekarang ia meningkat sehingga 200kg seminggu.

“Minggu depan stok ikan patin dan tilapia di sangkar semakin kurang serta dijangka kehabisan dan ia akan diisi dengan 4,000 benih baharu,” katanya yang mempunyai dua sangkar ikan patin dan dua sangkar ikan tilapia di sungai Pahang

Tuah sama dirasai pengusaha ikan sangkar di Kampung Lada, Jerantut, Baharizal Abu Bakar, 43, yang menternak ikan patin dalam 100 sangkar apabila permintaan daripada pengusaha restoran, pemborong dan orang ramai meningkat mendadak sejak minggu lalu.

Mengenai stok ikan dimiliki, katanya ikan di kolam miliknya baru diisi Februari lalu dan kebanyakannya belum mencapai usia matang untuk dipasarkan.

“Kebanyakan ikan bersaiz 700 hingga 800 gram sahaja, namun ia terus mendapat permintaan tinggi daripada pemborong dan



Mohd Nizam menunjukkan ikan patin yang sudah ditempah pemborong sekitar Jerantut ketika ditemui di Kampung Rumpun Makmur, Temerloh, semalam.  
(Foto Roselan Ab Malek/BH)

penggemar ikan sungai

“Pada masa ini, saya belum dapat menambah bekalan kepada pengguna dan restoran ikan patin di Lembah Klang kerana saiznya masih kecil,” katanya mengesahkan saiz ideal untuk dipasarkan antara 1.2 hingga 1.5 kg.

Seorang pengguna, Basir Ramli, 63, mengakui lebih berminat mendapatkan ikan patin dan tilapia bagi menggantikan bekalan ayam, memandangkan sudah agak jemu memakan daging selepas sambutan Aidilfitri lalu.

Dalam pada itu, tinjauan di Pasar Besar Jerantut mendapati dua spesies ikan berkenaan men-

dapat permintaan tinggi dengan peniaga mampu mencapai jualan sehingga 100kg sehari.

Seorang peniaga berkata, ikan patin dan tilapia sangkar dijual pada harga RM18 sekilogram mendapat sambutan hangat.

“Saya jangkakan permintaan ikan tilapia dan patin meningkat sehingga minggu depan selepas kekurangan ayam di pasaran, selain ramai pelanggan mahu mengubah selera akibat jemu dengan hidangan rendang ayam dan daging.

“Harga jualan dua ikan ini juga masih berpatutan kerana masih kekal sejak Ramadan lalu,” katanya.